

# AXCEL SALBUTAMOL SYRUP

Salbutamol (2mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Salbutamol Syrup
2. Bagaimana Axcel Salbutamol Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Salbutamol Syrup
4. Cara menggunakan Axcel Salbutamol Syrup
5. Semasa menggunakan Axcel Salbutamol Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Salbutamol Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Axcel Salbutamol Syrup

Axcel Salbutamol Syrup digunakan untuk melegakan salur pernafasan yang sempit dalam asma, keradangan saluran pernafasan kronik dan keadaan lain yang melibatkan penghalangan terhadap saluran pernafasan.

## Bagaimana Axcel Salbutamol Syrup berfungsi

Produk ini mengandungi ubat yang dipanggil salbutamol. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil bronkodilator yang bertindak cepat. Ia digunakan dalam mengawal penghalangan saluran pernafasan berbalik. Salbutamol juga mengurangkan pengecutan rahim dan mungkin diberi bagi melambatkan kelahiran bayi pra-matang.

## Sebelum menggunakan Axcel Salbutamol Syrup

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Salbutamol Syrup jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada salbutamol atau kandungan dalam sirap ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Penggunaan Salbutamol yang tidak perlu semasa trimester

pertama kehamilan adalah tidak digalakkan.

- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Anda mengambil ubat penghalang-beta, seperti propranolol untuk tekanan darah tinggi.

### Sebelum menggunakan Axcel Salbutamol Syrup

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengalami gangguan jantung dan salur darah, kencing manis, glaukoma sudut tertutup (pembentukan cecair di dalam mata) dan tekanan darah tinggi.
- Anda mengalami peningkatan paras hormon tiroid.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain berikut kerana ia boleh bertindak balas dengan Axcel Salbutamol Syrup:

- Diuretik, theopyline, steroids dan ubat pengendur otot.
- Penghalang-beta seperti propranolol.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Salbutamol Syrup dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Salbutamol Syrup

### Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak:

2-6 tahun: 2.5 – 5ml (1-2mg).

6-12 tahun: 5ml (2mg).

13 tahun ke atas : 5-10ml (2-4mg).

### Bila perlu digunakan

Pengambilan secara oral: 3 atau 4 kali sehari.

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Salbutamol Syrup mengikut jenis keadaan anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Rawatan harus mengurangkan simptom.

Anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Salbutamol Syrup berlebihan.

Gejala-gejala terlebih dos biasanya termasuk peningkatan kadar degupan jantung, rangsangan sistem saraf pusat, menggeletar, paras kalium rendah, dan peningkatan paras gula darah.

## Semasa menggunakan Axcel Salbutamol Syrup

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Salbutamol Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa

# AXCEL SALBUTAMOL SYRUP

Salbutamol (2mg/5ml)

- berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Salbutamol Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pengambilan berterusan dengan dos yang tinggi.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Salbutamol Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan paling umum:

- Gegaran ringan pada otot rangka (terutamanya tangan).
- Rasa denyutan jantung kuat.
- Kekejangan otot.

Kesan sampingan yang lain:

- Hipokalaemia (tahap kalium yang rendah dalam darah). Tahap kalium perlu dipantau.
- Hiperaktif dalam kanak-kanak.
- Sedikit peningkatan dalam kadar degupan jantung.
- Ketegangan.
- Sakit kepala.
- Pengembangan saluran darah periferal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Salbutamol Syrup**

##### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Salbutamol Syrup daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

##### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Salbutamol Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna produk

Axcel Salbutamol Syrup adalah sirap tanpa warna dengan perisa buah-buahan.

##### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif:  
Salbutamol

##### -Bahan Tidak Aktif

Sodium Benzoate, Saccharin Sodium, Citric acid Anhydrous, Sodium Citrate Dihydrate, Purified Water, Sodium Chloride, Hydroxypropyl Cellulose dan perisa campuran buah-buahan.

##### -Nombor MAL

MAL19992588AZ

#### **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

02/01/2018

#### **Nombor siri**

NPRA(R4/1)071117/00304